



SOALAN LAZIM
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN BERHUBUNG
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (*MOVEMENT CONTROL ORDER*)
18 HINGGA 31 MAC 2020

BIL	PERKARA	SOALAN	JAWAPAN
1	Perkhidmatan Kaunter Setempat	Adakah perkhidmatan di Kaunter Perkhidmatan Setempat KPKT dibuka kepada orang ramai?	Tidak.
2	Pembersihan Awam	Adakah kutipan sampah dan pembersihan awam di tempat saya akan dijalankan mengikut jadual?	Ya. Operasi bagi perkhidmatan kutipan sampah dan pembersihan awam oleh agensi di bawah KPKT akan diteruskan seperti biasa di negeri-negeri yang mengguna pakai Akta 672 iaitu Perlis, Kedah, Wilayah Persekutuan, Melaka, Negeri Sembilan, Johor dan Pahang. Bagi negeri-negeri yang tidak memakai Akta 672, pembersihan awam dan kutipan sampah adalah di bawah tanggungjawab PBT masing-masing.
		Adakah operasi pembersihan dan pemprosesan di kilang kitar semula sisa plastik dibuka?	Tidak. Semua premis kitar semula sisa plastik perlu ditutup. Skop pembersihan yang dibenarkan adalah kutipan dan pembersihan awam sahaja. Operasi pembersihan sisa plastik di kilang tidak termasuk dalam skop pembersihan tersebut.

BIL	PERKARA	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Bagaimana permohonan E-Permit (<i>Approved Permit – AP</i>) bagi sisa plastik import boleh dilaksanakan?</p>	<p>Proses Permohonan Lesen Import (<i>Approved Permit – AP</i>) bagi sisa plastik import boleh dibuat secara atas talian melalui sistem E-Permit: https://epermit.dagangnet.com.my</p>
		<p>Adakah pihak SWCorp masih menjalankan kerja-kerja pemeriksaan kontena di pelabuhan?</p>	<p>Pemeriksaan kontena sisa plastik di Pelabuhan Klang, Johor dan Pulau Pinang akan dibuat mengikut keperluan sekiranya kontena yang tiba adalah dalam kuantiti yang banyak dimana pemeriksaan boleh dilakukan serentak. Pegawai penguatkuasa dari SWCorp akan sentiasa dalam keadaan bersedia sekiranya terdapat keperluan untuk mengadakan pemeriksaan tersebut.</p>
		<p>Adakah operasi pembayaran fi lesen dan pengeluaran sijil lesen boleh dilaksanakan dalam masa 14 hari ini.</p>	<p>Operasi kaunter bagi pembayaran fi lesen dan pengeluaran sijil lesen ditutup sementara dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.</p>
3	Perkhidmatan Kerajaan Tempatan	<p>Adakah jualan pasar awam akan dibuka?</p>	<p>Ya. Pasar awam akan dibuka setiap hari.</p>
		<p>Adakah jualan pasar pagi dan pasar tani akan dibuka?</p>	<p>Tidak. Kesemua jenis pasar seperti pasar pagi, pasar malam, pasar tani, pasar juadah, bazar dan jualan bonet kereta akan ditutup.</p>
		<p>Adakah premis restoran, penjaja kecil dan kenderaan saji (<i>food truck</i>) boleh dibuka?</p>	<p>Restoran, penjaja kecil, kenderaan saji/ <i>food truck</i>, gerai statik, penempatan penjaja sementara dan kiosk berkaitan perkhidmatan penyediaan makanan dibenarkan untuk dibuka.</p>

BIL	PERKARA	SOALAN	JAWAPAN
			Pelanggan tidak dibenarkan untuk makan di premis berkenaan dan peniaga hanya dibenarkan untuk menjual makanan melalui kaedah pembungkusan (<i>take away</i>), penghantaran (<i>delivery</i>) atau pandu lalu (<i>drive thru</i>) sahaja.
4	Perumahan	Adakah pengurusan perumahan di bawah KPKT berjalan seperti biasa?	Tidak. Urusan secara dalam talian boleh dilaksanakan bagi perkhidmatan Permohonan <i>Advertising, Permit and Developer License</i> (APDL) Baharu, Pembaharuan APDL, Permohonan Pengeluaran Wang Tambahan (P9 dan P11), Pengemaskinian Maklumat Pemaju Melalui E-Pemaju, Pengemaskinian Maklumat 7(F) serta Pendaftaran Nama Pemohon untuk Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM). Sebarang aduan yang berkiatan pula boleh disalurkan melalui Sistem Aduan Bersepadu (SAB).
		Adakah permohonan Program / Skim Perumahan di bawah KPKT seperti Program Perumahan Rakyat (PPR) & Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) masih dibuka?	Ya. Sebarang permohonan boleh dibuat secara dalam talian (<i>online</i>) di portal: https://teduh.kpkt.gov.my atau https://sprn.kpkt.gov.my

BIL	PERKARA	SOALAN	JAWAPAN
		Adakan Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai JPN, KPKT masih mengeluarkan surat pengesahan projek perumahan terbengkalai kepada pembeli?	Tidak, Permohonan ini ditangguhkan sehingga 31 March 2020.
		Adakah operasi Bahagian Perlesenan Pemajuan Perumahan Jabatan Perumahan Negara (JPN) di Kaunter Setempat KPKT dibuka?	Tidak. Sebarang urusan hanya boleh dilaksanakan secara dalam talian (<i>online</i>). Semua APDL yang telah diluluskan akan dikeluarkan pada 1 April 2020.
		Adakah Bahagian Penguatkuasaan JPN boleh menerima aduan daripada pembeli berkaitan dengan Akta 118 dan peraturan-peraturannya?	Ya. Aduan daripada pembeli atau mana-mana pihak berkepentingan boleh dikemukakan secara dalam talian (<i>online</i>) di https://aduan.kpkt.gov.my .
		Bagaimana saya boleh hubungi JPN, KPKT?	Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi: Jabatan Perumahan Negara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Aras 30-38, No.51, Persiaran Perdana Presint 4, 62100 Putrajaya. E-Mel: unitkorporatJPN@kpkt.gov.my atau jayaselan@kpkt.gov.my

BIL	PERKARA	SOALAN	JAWAPAN
		Adakah pihak PR1MA akan mengambil tindakan terhadap aduan kerosakan unit atau rumah PR1MA yang sudah didiami?	Tidak. Tindakan hanya akan diambil bagi kerosakan kritikal sahaja dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini.
		Adakah proses penjualan rumah PR1MA berjalan seperti biasa?	Ya. Penjualan rumah berjalan seperti biasa melalui ejen jualan yang dilantik oleh pihak PR1MA menerusi sistem dalam talian.
		Adakah kerja pembinaan akan diteruskan sewaktu tempoh perintah kawalan pergerakan?	Tidak. Segala kerja pembinaan akan dihentikan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.
5	Perkhidmatan Kebompaan	Adakah perkhidmatan kebompaan beroperasi seperti biasa?	Ya. Perkhidmatan kebompaan akan beroperasi seperti biasa kecuali perkhidmatan kaunter dan pemeriksaan bangunan.
		Adakah khidmat pemeriksaan bangunan untuk tujuan Perakuan Siap dan Pematuhan (<i>Certificate of Completion and Compliance</i>), Sijil Perakuan Bomba (<i>Fire Certificate</i>) dan proses Menghapus Bahaya Kebakaran beroperasi seperti biasa?	Tidak kecuali kes yang mendesak
		Adakah perkhidmatan kaunter untuk pemeriksaan alat pemadam api, pengeluaran Salinan Laporan Kebakaran dan	Tidak. Semua perkhidmatan kaunter untuk pemeriksaan alat pemadam api, pengeluaran Salinan Laporan Kebakaran dan Kecemasan tidak akan dilaksanakan kecuali permohonan

BIL	PERKARA	SOALAN	JAWAPAN
		Kecemasan dilaksanakan?	secara dalam talian.
6	Tribunal Perumahan & Pengurusan Strata (TPPS)	Adakah kes-kes yang ditetapkan untuk perbicaraan di Tribunal Perumahan & Pengurusan Strata (TPPS) akan dijalankan dalam tempoh ini?	Tidak. Semua sesi pendengaran kes akan ditangguhkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.
7	Kawalan Kredit Komuniti	Bolehkah saya membuka perniagaan Kredit Komuniti (KK) dan Pemegang Pajak Gadai (PPG)?	Tidak.
		Adakah peminjam dengan KK masih dikenakan caj bagi kelewatan menjelaskan pinjaman dalam tempoh ditetapkan?	Syarikat KK tidak dibenarkan untuk mengenakan caj kelewatan sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan ini.
		Adakah pemajak boleh melanjutkan tempoh masa penebusan bagi sesuatu sandaran dengan syarikat PPG jika tidak dapat membuat bayaran balik pinjaman dalam tempoh pajakan yang ditetapkan?	Pelanjutan tempoh masa penebusan perlu diberikan secara automatik oleh syarikat PPG dan tiada caj tambahan boleh dikenakan kepada pemajak. Catatan pelanjutan ini hendaklah direkodkan dalam buku PPG dan surat pajak gadai.

BIL	PERKARA	SOALAN	JAWAPAN
		Adakah saya masih boleh memohon lesen baharu KK atau PPG?	Semua permohonan lesen baharu KK atau PPG adalah secara dalam talian yang boleh diakses melalui www.bless.gov.my . Senarai semak permohonan lesen baharu KK atau PPG boleh dirujuk di laman web KPKT.
		Bagaimana saya hendak menghantar dokumen sokongan permohonan lesen baharu KK atau PPG yang tidak dimuat naik di dalam sistem BLESS?	Dokumen sokongan tersebut boleh dihantar melalui serahan pos berdaftar.
		Adakah saya masih boleh membuat aduan terhadap KK dan PPG?	Ya. Pengadu boleh membuat aduan dalam talian iaitu sistem aduanbersepadu di laman web KPKT, aplikasi i-KrediKom bagi PPW dan i-Gadaian bagi PPG.
8	Perkhidmatan Komuniti	Adakah pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK) beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?	Tidak. Semua pegawai dan kakitangan PSMK akan bertugas di rumah masing-masing. Pegawai PSMK boleh dihubungi oleh wakil komuniti melalui talian telefon sekiranya terdapat sebarang pertanyaan yang berkaitan.
		Adakah program ZECOMM masih boleh diteruskan dan aktiviti penyerahan barang kitar semula boleh diteruskan?	Tidak. Program ZECOMM ditangguhkan dan semua aktiviti penyerahan barangan kitar semula hendaklah dihentikan buat masa ini. Semua barangan yang ingin dikitar semula perlu dikumpul dan disimpan terlebih dahulu serta pertukaran boleh dibuat selepas tempoh larangan tamat.

BIL	PERKARA	SOALAN	JAWAPAN
		Adakah aktiviti pertanian bandar – kebun komuniti masih boleh dilaksanakan?	Tidak. Sebagai langkah berjaga-jaga, aktiviti perkebunan (membaja/mengairkan/ menuai hasil/dll) secara berkelompok adalah tidak digalakkan bagi mengelakkan risiko jangkitan.
		Adakah sebarang mesyuarat Kawasan Rukun Tetangga (KRT) atau Persatuan Penduduk boleh dianjurkan?	Tidak. Semua aktiviti sosial perlu ditangguhkan buat masa ini.
		Adakah peniaga yang berniaga makanan dan minuman di hadapan kawasan PPR dibenarkan berniaga?	Gerai-gerai kecil yang berkonsepkan pasar malam dan pasar tani tidak dibenarkan untuk beroperasi dan perlu ditutup serta merta untuk mengelakkan orang awam berkumpul. Hanya perniagaan kedai runcit (makanan dan barangan keperluan harian sahaja) sahaja boleh diteruskan.
		Adakah projek pelaksanaan baik pulih rumah di bandar dan projek rumah sejahtera ditangguhkan dalam konteks pembinaan di tapak? Bagaimana pula dengan Program Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB)?	Ya. Ketiga-tiga projek ini dicadangkan untuk ditangguhkan buat sementara waktu.

BIL	PERKARA	SOALAN	JAWAPAN
9	Perkhidmatan Perbandaran	Adakah pejabat pengurusan (<i>management office</i>) dan ejen pengurusan yang menguruskan mana-mana skim strata boleh beroperasi seperti biasa?	Pejabat pengurusan (<i>management office</i>) dan ejen pengurusan di skim strata hendaklah menjalankan operasi dalam mod pelaksanaan yang minimal serta memastikan wujud saluran komunikasi yang sentiasa aktif agar mereka mampu bertindak apabila perlu bagi memastikan tiada perkhidmatan penting tergendala.
		Adakah acara perhimpunan yang melibatkan orang ramai termasuk Mesyuarat Agung (AGM/EGM) boleh dilaksanakan di sesebuah skim strata pada masa ini?	Pihak pemaju, JMB/MC, pemilik petak dan penghuni skim strata perlu menanggungkan dan mengelakkan sebarang acara yang melibatkan perhimpunan ramai termasuk Mesyuarat Agung serta Mesyuarat Agung Luar Biasa (AGM/EGM).
		Adakah komuniti strata bebas bergerak dalam kawasan skim strata masing-masing semasa tempoh penularan Covid-19?	Tidak. Komuniti strata perlu menghadkan pergerakan di seluruh skim strata melainkan bagi pergerakan penting dan urusan kritikal seperti perubatan dan pembekalan makanan.
		Adakah premis perniagaan, institusi pendidikan dan taska di skim strata boleh beroperasi seperti biasa?	Tidak. Premis perniagaan, institusi pendidikan dan taska di skim strata perlu ditutup melainkan perkhidmatan penting (<i>essential services</i>).